PROGRAM TRANSFORMASI HOSPITAL KUALA LUMPUR (PTHKL)

Program Transformasi Hospital Kuala Lumpur (PTHKL) Fasa I bermula dengan menaik taraf Wad 26, 27 dan Lobi Utama pada tahun 2012.

Pada Mei 2013, Program Transformasi Hospital Kuala Lumpur (PTHKL) Fasa II diteruskan dengan menaik taraf bangunan utama (Klinik Pakar & Jab. ENT) dan Institut Urologi & Nefrologi. Manakala tapak asrama doktor pelatih akan dijadikan blok Kejuruteraan & Tangki Air . Seterusnya bangunan tempat letak kereta bertingkat (*Multi Storey Carpark*) akan dibina di tapak Kelab Sukan HKL sekarang. Dalam masa yang sama juga Hospital Wanita Dan Kanak - Kanak (WCH) akan dibangunkan di dalam kawasan HKL, iaitu bersebelahan Masjid HKL .

Jadi dengan pembangunan yang sedang rancak sekarang, pelbagai kesulitan dihadapi terutama laluan terpaksa ditutup dan lencongan dibuat untuk memberi laluan kepada kerja - kerja pembinaan. Di harapkan warga kerja HKL dan pelawat dapat bersabar dan sentiasa mengikut arahan yang ditetapkan.

Mengikut perancangan, pembangunan Fasa II HKL dan bangunan tempat letak kereta bertingkat (*Multi Storey Carpark*) dijangka akan siap pada tahun 2014 . Manakala Hospital Wanita Dan Kanak - Kanak (WCH) dijangka akan siap pada tahun 2015.

HOSPITAL WANITA & KANAK - KANAK (WCH)

PLAZA HKL | DEPAN JLN. PAHANG

JOHAWAKI CONSTRUCTION

Hospital Kuala Lumpur

JOHAWAKI CONSTRUCTION